

GARIS PANDUAN ASAS PERTIMBANGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN PERMIT KHAS

TAHUN 2021



**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	3
2.0	MATLAMAT GARIS PANDUAN	3
3.0	PEMAKAIAN	3
4.0	TAFSIRAN	3
5.0	ASAS PERTIMBANGAN KEPUTUSAN PEGAWAI PELESEN TERHADAP PERMOHONAN PERMIT KHAS	4
6.0	PENUTUP	6

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini disediakan bagi menyelaraskan dan menetapkan panduan asas pertimbangan keputusan pegawai pelesen terhadap permohonan permit khas selaras dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*].

2.0 MATLAMAT GARIS PANDUAN

Matlamat Garis Panduan ini adalah untuk menyelaraskan dan menetapkan asas pertimbangan keputusan pegawai pelesen terhadap permohonan permit khas iaitu memburu, menyimpan, mengguna, mengimport, mengeksport, mengeksport semula dan menjalankan penyelidikan atau kajian mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya (termasuk mana-mana bahagian atau terbitan mana-mana hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya).

3.0 PEMAKAIAN

Garis panduan ini terpakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jika terdapat apa-apa percanggahan dalam garis panduan ini dengan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 akan terpakai.

4.0 TAFSIRAN

“bahagian atau terbitan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

“eksport” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

“eksport semula” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

“hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

“import” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

“memburu” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

“pegawai pelesen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

“permit khas” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010;

5.0 ASAS PERTIMBANGAN KEPUTUSAN PEGAWAI PELESEN TERHADAP PERMOHONAN PERMIT KHAS

5.1 Memburu

- a. Permohonan permit khas memburu (mengambil atau menangkap) hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya boleh dipertimbangkan sekiranya pemburuan itu bertujuan untuk pembiakbakaan dalam kurungan komersial dan tujuan zoo atau pameran tetap.
- b. Permohonan untuk memburu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya bagi tujuan peliharaan peribadi iaitu sebagai haiwan kesayangan (*pets*) akan ditolak atau tidak akan disokong. Jabatan tidak menggalakkan pemburuan hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya bagi tujuan peliharaan peribadi.
- c. Memburu hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya adalah dilarang sama sekali di dalam kawasan yang dinyatakan dalam Perintah

Pemuliharaan Hidupan Liar (Kawasan Larangan Memburu) (Pindaan) 2020. Aktiviti memburu hanya dibenarkan di dalam negeri yang dimohon dan diluluskan.

- d. Permohonan permit khas memburu oleh zoo atau pameran tetap akan dipertimbangkan atau disokong untuk diluluskan sekiranya tiada stok untuk pertukaran hidupan liar antara zoo atau pameran tetap.

5.2 Menyimpan

- a. Permohonan permit khas menyimpan boleh dipertimbangkan atau disokong atau diluluskan apabila sumber perolehan hidupan liar adalah daripada sumber yang sah iaitu daripada permit import yang sah, permit khas memburu, belian daripada pembiakbaka komersial atau peniaga berlesen, dan daripada sumber Jabatan PERHILITAN.
- b. Kawasan / tempat cadangan menyimpan hendaklah di atas tanah persendirian atau mendapatkan persetujuan tuan tanah (dokumen perjanjian sewaan disertakan) serta mendapatkan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / JKKK / Pengurusan Premis.
- c. Permohonan permit khas menyimpan boleh ditolak atau tidak disokong apabila pemohon mempunyai prosiding kes sivil atau jenayah di mana-mana Mahkamah yang sedang berjalan atau masih belum selesai.

5.3 Mengguna

- a. Permohonan permit khas mengguna boleh dipertimbangkan atau disokong atau diluluskan apabila sumber perolehan hidupan liar adalah daripada sumber yang sah iaitu daripada permit import, permit khas memburu, belian daripada pembiakbaka komersial / peniaga berlesen dan daripada sumber Jabatan PERHILITAN.
- b. Permohonan permit khas mengguna bagi tujuan pembiakbakaan dalam kurungan komersial boleh dipertimbangkan atau disokong

atau diluluskan setelah kawasan / tempat cadangan mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

5.4 Mengimport, mengeksport atau mengeksport semula

- a. Permohonan permit khas mengimport, mengeksport atau mengeksport semula boleh dipertimbangkan atau disokong atau diluluskan apabila pemohon mengemukakan salinan Permit CITES negara pengeksport / pengimport atau salinan *certificate of origin* negara pengeksport (bagi hidupan liar hidup) atau dokumen pendaftaran pengeksport dengan pihak berkuasa negara berkenaan.
- b. Permohonan permit khas mengimport boleh dipertimbangkan atau disokong atau diluluskan apabila Jabatan menerima pengesahan daripada Pihak Berkuasa CITES Negara Pengeksport.

5.5 Menjalankan penyelidikan atau kajian

- a. Permohonan permit khas menjalankan penyelidikan atau kajian boleh dipertimbangkan atau disokong atau diluluskan setelah pemohon mengemukakan kertas kerja yang lengkap dan membuat pembentangan cadangan kepada Jabatan (mengikut keperluan).
- b. Permohonan permit khas menjalankan penyelidikan atau kajian boleh ditolak atau tidak disokong apabila pemohon tidak mengemukakan laporan hasil kajian terdahulu atau tidak memaklumkan perkembangan penyelidikan atau kajian terdahulu kepada Jabatan.

6.0 PENUTUP

Pemohon hendaklah mematuhi peraturan-peraturan, perintah atau arahan lain yang berkuat kuasa berhubungan dengan permit khas dengan penuh tanggungjawab.